



# LAPORAN TAHUNAN 2014

LEMBAGA PENDUDUK DAN  
PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA



[www.lppkn.gov.my](http://www.lppkn.gov.my)



# TAHURAN 2014

LEMBAGA PENDUDUK DAN  
PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA





LEMBAGA PENDUDUK DAN  
PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA

Diterbitkan oleh :  
LEMBAGA PENDUDUK DAN  
PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA  
Bangunan LPPKN, 12B, Jalan Raja Laut,  
Peti Surat 10416, 50712 Kuala Lumpur.  
MALAYSIA

 [www.lppkn.gov.my](http://www.lppkn.gov.my)

 [www.facebook.com/lppkn](http://www.facebook.com/lppkn)

 @lppkn

Rekabentuk dan Cetakan Oleh :  
GIGA WISE NETWORK SDN. BHD.  
[www.gigaprint2u.com](http://www.gigaprint2u.com)



**1Malaysia: LPPKN UTAMAKAN KELUARGA**

# ISI KANDUNGAN

6	SEKAPUR SIREH
8	SEULASPINANG
10	PERUTUSAN PENERUSI
12	PERUTUSAN KETUA PENGARAH
16	AHLI LEMBAGA PENGARAH
18	CARTA ORGANISASI LPPKN
22	VISI, MISI DAN OBJEKTIF LPPKN
22	NILAI BERSAMA LPPKN
23	PENGURUSAN KUALITI
24	PIAGAM PELANGGAN
26	KUASA, FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB
27	STRATEGI
44	PERISTIWA PENTING TAHUN 2014
	PENCAPAIAN PROGRAM DAN PERKHIDMATAN LPPKN 2014

## TERAS KEBERHASILAN#1

(Perspektif Keluarga Dalam Pembangunan Negara)

- Kajian Penduduk dan Keluarga Negara ke-5 (KPKM-5) 50
- Kajian dan Penyelidikan (R&D) 58

## TERAS KEBERHASILAN#2

(Penguatan Nilai Teras Keluarga)

- Program Ilmu Keluarga@LPPKN 62
- Sambutan Hari Ibu Peringkat Kebangsaan 2014 63
- Sambutan Hari Bapa Peringkat Kebangsaan 2014 64
- Sambutan Bulan Keluarga 1Malaysia 2014 65

## TERAS KEBERHASILAN#3

(Penguatan Institusi Perkahwinan)

- Kursus Pra Perkahwinan SMARTSTART 68
- Program *Climb for Marriage* 69
- Pemeteraian Perjanjian Persefahaman (MoU) antara LPPKN dan JAKIM 70
- Majlis Perkahwinan Mega Sri Pengantin 71

## TERAS KEBERHASILAN#4

(Keperluan Keibubapaan Keluarga Dipenuhi)

- Program Keluarga@Kerja 75
- Program SMARTbelanja@LPPKN 76
- Bengkel Kemahiran Keibubapaan Anak Berkeperluan Khas 77



## TERASKEBERHASILAN#5

(Asas Yang Kukuh Untuk Remaja)

- Pusat Remaja kafe@TEEN 80
- Pembangunan Sahsiah Remaja 81
- Program Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Remaja (PEKERTI) dalam Komuniti (PEKERTI@KOMUNITI) 82
- Bengkel Latihan Kejurulatihan (TOT) PEKERTI Tahun 2014 83
- Program Vaksinasi *Human Papilloma Virus* (HPV) 83

## TERASKEBERHASILAN#6

(Perkhidmatan Sokongan Keluarga)

- Program *Outreach* 86
- Program *Mobile CTC* – Pusat Transformasi Komuniti Bergerak 87
- Program Penjagaan Selepas Bersalin *MamaCare* 88
- Perkhidmatan Kaunseling Perkahwinan dan Kekeluargaan 89
- Perkhidmatan Kaunseling Untuk Keluarga Bekas Banduan/ Orang Yang Di Selia (ODS) 90
- Anjung, Interaksi, Rekreasi, Intervensi Dan Sokongan Keluarga (AIRIS) 90
- Perkhidmatan Klinikal 91
- Program Subsidi Ujian Mamogram 93
- Program "*Kiss Goodbye to Breast Cancer* (KGBC)" 94
- Pengurusan Sumber Manusia 95
- Pembangunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi 97
- Pengurusan Kewangan 101
- Projek Pembangunan 102

106 LAWATAN

112 LPPKN@Media

118 LAPORAN KEWANGAN

144 HUBUNGI KAMI DI LPPKN



**“Sebenarnya banyak cara untuk meluahkan kasih sayang dan budaya prihatin dalam keluarga yang boleh menyemarakkan suasana kebahagiaan tetapi saya lebih tertarik dengan pelukan keluarga khususnya pelukan ibu bapa kepada anak-anak”**

Petikan ucapan perasmian  
Sambutan Bulan Keluarga  
Kebangsaan (Malaysia 2014)



# SEKAPUR SIREH

YB. DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM

**Bismillah hir Rahman nir Rahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera**

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Ilahi kerana Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) sekali lagi berjaya menerbitkan Laporan Tahunan bagi tahun 2014. Rentetan pelbagai kejayaan program dan aktiviti sepanjang tahun 2014 yang terakam membuktikan usaha mengukuhkan institusi keluarga sebagai asas kestabilan sosial memerlukan gandingan padu daripada setiap lapisan masyarakat.

Justeru, LPPKN sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), sentiasa bersedia dan komited menjayakan misi nasional dalam usaha mewujudkan sebuah negara yang harmoni dan sejahtera. Menyelusrnya, LPPKN telah bertindak dalam semangat kebersamaan dan terlaras mengikut agenda nasional menerusi "Kempen 10 Saat Pelukan Keluarga" bersempena Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan

1 Malaysia 2014 dengan tema "Keluarga Bahagia, Negara Sejahtera". Antaranya menerusi penghayatan kepada lima teras keluarga bahagia iaitu kasih sayang, akhlak, sihat dan selamat, berilmu serta harmoni (KASIH). Ini adalah kerana keluarga yang bahagia akan melahirkan individu yang berkualiti dan berperibadi mulia yang seterusnya menjadi pemangkin kepada proses perubahan dan pembangunan sesebuah negara.

Akhir kata, tahniah dan syabas atas segala sumbangan dan jasa semua pihak dalam menerbitkan Buku Laporan Tahunan LPPKN 2014. Saya berkeyakinan dengan penerbitan laporan ini, akan memberi gambaran kepada masyarakat bahawa LPPKN sentiasa berusaha keras memperkasa institusi keluarga demi kestabilan sosial.

Ikhlas Dari Saya

**YB. DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM**

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

# SEULAS PINANG

## DATO' SABARIAH HASSAN

### **Bismillah hir Rahman nir Rahim Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera**

Saya bersyukur ke hadirat Illahi atas kejayaan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) menerbitkan Laporan Tahunan 2014. Menerusi penerbitan ini, ternyata segala usaha dan keringat yang LPPKN curahkan tidak sia-sia, malah ia menyaksikan bahawa LPPKN sentiasa mendukung misi kementerian terhadap usaha-usaha pengukuhan institusi kekeluargaan demi kestabilan sosial.

Kejayaan 2014 yang membanggakan buat LPPKN, menerusi penganjuran Majlis Perkahwinan Mega Sri Pengantin yang dilaksanakan telah membantu mengurangkan beban ekonomi golongan muda yang ingin melangsungkan perkahwinan. Kejayaan pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan ini telah membolehkan seramai 91 pasangan pengantin diraikan dalam satu majlis yang penuh bersejarah. Susulan kejayaan itu, LPPKN dan JAKIM telah memeterai perjanjian persefahaman (MoU) bagi memperluas dan tambah baik terhadap program persediaan dan pasca perkahwinan dan kekeluargaan di samping membolehkan

perkongsian sumber antaranya data dan hasil penyelidikan, bahan penerbitan dan maklumat.

Syabas dan tahniah atas segala usaha yang tidak mengenal lelah demi memastikan kesejahteraan rakyat berada pada tahap yang terbaik. Saya berharap usaha ini diteruskan lagi bagi mengekalkan LPPKN sebagai agensi utama dalam menjadikan Malaysia sebagai negara yang berperibadi mulia hasil daripada keluarga yang kukuh, berakhlak, sihat, berilmu dan harmoni.

Sekian, terima kasih

### **DATO' SABARIAH HASSAN**

Ketua Setiausaha

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

“Kejayaan  
2014 yang  
membanggakan  
buat LPPKN,  
menerusi  
penganjuran  
Majlis  
Perkahwinan  
Mega Sri  
Pengantin yang  
dilaksanakan  
telah membantu  
mengurangkan  
beban ekonomi  
golongan muda  
yang ingin  
melangsungkan  
perkahwinan”



# PERUTUSAN PENGERUSI

## TAN SRI DATO' HAJAH NAPSIAH OMAR

**Bismillah hir Rahman nir Rahim**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan  
Salam Sejahtera dan Salam Kekeluargaan**

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnianya, LPPKN berjaya merealisasikan amanah dan tanggungjawab yang diberi dengan jayanya sepanjang tahun 2014. Saya juga ingin merakamkan rasa bangga dan berterima kasih kepada pihak pengurusan dan semua warga kerja LPPKN kerana dengan berkat kesungguhan dan semangat juang yang tinggi telah membolehkan segala bentuk program dan perkhidmatan kekeluargaan berjaya dilaksanakan mengikut perancangan.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, sekali lagi saya ingin merakamkan kesyukuran kerana dapat membentangkan Laporan Tahunan 2014. Tahniah juga diucapkan kepada pihak pengurusan kerana berjaya memperoleh Sijil Audit bersih bagi tahun 2014. Secara keseluruhan pendapatan LPPKN pada tahun 2014 adalah sebanyak RM104,770,072.00 berbanding RM96,229,767.00 pada tahun 2013 iaitu peningkatan sebanyak 8.87%.

Perbelanjaan LPPKN turut mencatat peningkatan sebanyak 7.44% iaitu daripada RM96,868,603 pada tahun 2013 kepada RM104,083,603.00 pada tahun 2014. Peningkatan ini berikutan peningkatan program yang telah dilaksanakan dalam tahun 2014. Lebih perbelanjaan bagi tahun 2014 ditampung menggunakan rizab LPPKN.

Secara keseluruhannya, saya berbangga dengan pencapaian prestasi program dan aktiviti LPPKN. Kesungguhan dan ketelusan dalam melaksanakan amanat telah membolehkan LPPKN menempah kejayaan demi kejayaan. Sepanjang tahun 2014, Lembaga Pengarah berjaya mengadakan mesyuarat sebanyak 4 kali seperti yang ditetapkan. Dan selaras dengan tanggungjawab yang diamanahkan, Lembaga Pengarah secara berterusan memandu LPPKN bagi merealisasikan visi iaitu mengukuhkan keluarga ke arah pewujudan masyarakat penyayang, penduduk berkualiti dan bangsa Malaysia yang progresif.

Bagi memastikan kualiti hidup dan kesejahteraan keluarga berada pada tahap terbaik, LPPKN telah memperluaskan akses khidmat sokongan keluarga di seluruh negeri menerusi inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan, antaranya menerusi pelaksanaan Pusat Transformasi Komuniti Bergerak (Mobile CTC) anjuran Unit Penyelaras Strategik, Kementerian Kewangan Malaysia. Usaha ini membolehkan penyampaian perkhidmatan kekeluargaan secara terus kepada rakyat terutama di kawasan pedalaman.

Aktiviti pendidikan dan kemahiran kekeluargaan sedia ada seperti Program SMARTbelanja@LPPKN, Kursus Keluarga@Kerja, Ilmu Keluarga@LPPKN dan Kursus Pra Perkahwinan SMARTSTART telah diteruskan. Malah, terdapat program yang telah ditambah nilai dalam tahun 2014 iaitu Program SMARTSTART melalui pelaksanaan Majlis Perkahwinan Mega Sri Pengantin dan pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) antara JAKIM dan LPPKN.

Begitu juga bagi perkhidmatan kaunseling perkahwinan dan kekeluargaan, dan kesihatan reproduktif seperti perancang keluarga, saringan kanser reproduktif "*pap smear*", ujian mamogram, pengurusan ketidaksuburan, menopause dan diagnosis makmal perlu dimantapkan daripada semasa ke semasa mengikut keperluan kumpulan sasaran.

Bagi pihak Lembaga Pengarah LPPKN, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan penghargaan dan tahniah kepada Ketua Pengarah dan seluruh warga kerja LPPKN yang telah menyumbang tenaga demi memastikan pencapaian tahun 2014 yang cemerlang. Penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada YB. Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat atas sokongan dan bimbingan kepada LPPKN dalam memastikan kelancaran pelaksanaan program dan aktiviti terus kepada kumpulan sasaran di Malaysia tercapai.

Akhir kata, semoga segala komitmen dan usaha berterusan dapat menjadikan LPPKN cemerlang sebagai sebuah institusi kekeluargaan di negara ini. Insya Allah.

**TAN SRI DATO' HAJAH NAPSI AH OMAR**

Pengerusi

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara

# PERUTUSAN KETUA PENGARAH

DATO' DR. SITI NORLASIAH ISMAIL

Bismillah hir Rahman nir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera dan Salam Kekeluargaan

Terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan izinNya LPPKN berjaya menghasilkan Laporan Tahunan 2014. Menerusi penerbitan ini pelbagai paparan kejayaan LPPKN sepanjang 2014 telah terakam untuk dijadikan panduan dan penambahbaikan di masa mendatang.

Alhamdulillah, LPPKN telah mencatat beberapa kejayaan penting sepanjang tahun 2014. Menerusi pencapaian *Quick Wins*, Bidang Keberhasilan Utama Menteri berjaya dicapai sepenuhnya dalam tahun 2014 iaitu bilangan ahli keluarga yang dilatih dalam skil keibubapaan bagi menguruskan ahli keluarga yang memerlukan bantuan khas berjaya mencapai 105% iaitu seramai 5,230 orang ibu bapa berbanding sasaran 5,000 orang ibu bapa; pencapaian sebanyak 74.13% orang remaja berumur 18 tahun mendapat perkhidmatan 3 dos lengkap suntikan imunisasi *Human Papilloma Virus* (HPV) berbanding 75% yang ditetapkan dan kejayaan Malaysia diterima sebagai ahli dalam suruhanjaya penduduk dan pembangunan pertubuhan bangsa-bangsa bersatu (*United Nations Commission On Population And Development*).

Menerusi pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), kejayaan menggembelng usaha pelbagai pihak untuk bersama-sama menjayakan agenda kesejahteraan keluarga telah membolehkan aksesibiliti perkhidmatan sokongan keluarga diperluas terutama di Sabah dan Sarawak. Seramai 558,821 orang ahli keluarga telah memperoleh manfaat daripada pelbagai program dan perkhidmatan kekeluargaan yang disediakan oleh LPPKN sepanjang tahun 2014. Kebolehcapaian prestasi ini turut disokong dan mendapat kerjasama pelbagai pihak terutama Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Antaranya aktiviti pendidikan kekeluargaan terus dipergiat menerusi pelaksanaan program dan aktiviti pendidikan sedia ada seperti Kursus Keluarga@Kerja (*Parenting@Work*), Kursus Pra-Perkahwinan SMARTSTART, Kursus SMARTbelanja@LPPKN, Kursus Ilmu Keluarga@LPPKN dan program kekeluargaan Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga. Sepanjang tahun 2014, seramai 300,361 orang ahli keluarga telah menghadiri program tersebut terutama dalam kalangan keluarga *high risk* dan *at risk* di seluruh negara.

Manakala, seramai 258,180 orang ahli keluarga telah menerima perkhidmatan kaunseling kekeluargaan dan kesihatan reproduktif seperti khidmat perancangan keluarga, saringan *pap-smear*, pemeriksaan payudara, saringan kesejahteraan kesihatan (*wellness*)

“Menerusi pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), kejayaan menggembelng usaha pelbagai pihak untuk bersama-sama menjayakan agenda kesejahteraan keluarga telah membolehkan aksesibiliti perkhidmatan sokongan keluarga diperluas terutama di Sabah dan Sarawak.”

dan pengurusan perkhidmatan infertiliti. Seramai 147 pasangan telah berjaya memperoleh cahaya mata menerusi perkhidmatan subfertiliti. Pelaksanaan program khidmat masyarakat (*outreach*) turut diperluas di kawasan pedalaman di seluruh negara. Menerusi Program Pusat Transformasi Komuniti Bergerak (Mobile CTC) telah membolehkan seramai 61,987 orang ahli keluarga mendapat faedah daripada perkhidmatan yang disediakan antaranya pemeriksaan tekanan darah, paras glukosa, kolesterol, BMI dan pap smear.

Di bawah inisiatif NBOS, beberapa kejayaan dicapai antaranya (i) seramai 181,181 orang remaja telah mendapat pengetahuan dan kemahiran berkaitan kesihatan reproduktif yang dijalankan di 13 Pusat Remaja kafe@TEEN yang beroperasi di 8 buah premis LPPKN dan 5 buah Pusat Transformasi Bandar (UTC) di seluruh negeri; (ii) menerusi kerjasama Jabatan Penjara Malaysia seramai 4,060 Orang Yang Diselia (ODS) dan ahli keluarga telah menjalani sesi kaunseling dan terapi di negeri Kelantan, Pahang, Johor, Negeri Sembilan, dan Kedah; dan (iii) seramai 300 orang pelatih MamaCare sebagai profesion berjaya dilatih menerusi program latihan kapasiti dalam aspek kemahiran urutan dan penjagaan selepas bersalin dan pendapatan tertinggi yang diperolehi pengamal MamaCare adalah sebanyak RM11,000.00 sebulan.

Usaha untuk menyempurnakan fungsi menasihati Kerajaan mengenai isu-isu kependudukan, pembangunan keluarga, dan kesihatan reproduktif, kajian dan penyelidikan berkaitan bidang teras LPPKN terus dipergiatkan. Menerusi Kajian Penduduk



dan Keluarga Malaysia ke-5 (KPKM-5) data siri masa berhubung pertalian di antara penduduk dan keluarga dengan pembangunan telah digunakan sebagai asas kepada perancangan pembangunan sosioekonomi sama ada di peringkat persekutuan, negeri, dan kerajaan tempatan. Sebanyak 20,248 buah tempat kediaman (TK) telah terlibat sepanjang tempoh September hingga Disember 2014 dengan sejumlah 12,275 buah TK telah berjaya ditemu bual.

Inisiatif Kerajaan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan wanita agar membuat pengesanan awal barah payudara telah diperluas di 62 buah pusat mamogram swasta berdaftar dengan LPPKN, 16 Klinik Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), dan 56 NGO untuk membantu merujuk wanita berisiko tinggi ke klinik Nur Sejahtera LPPKN untuk menyertai Program Subsidi Ujian Mamogram. Seramai 58,732 orang wanita telah menjalani ujian mamogram dan didapati sebanyak 54,415 kes adalah normal manakala 4,317 kes telah di kategori bawah penyiasatan lanjut. Seramai 79 orang wanita telah dikesan mempunyai tanda-tanda positif menghidap kanser payudara dan dirujuk kepada pihak hospital untuk tindakan susulan. Aktiviti promosi pencegahan penyakit kanser turut mendorong seramai 70,943 orang wanita menjalani pemeriksaan klinikal (CBE) dan pemeriksaan sendiri (BSE) di bawah pengawasan jururawat terlatih di klinik LPPKN dan semasa aktiviti khidmat masyarakat. Program *Kiss Goodbye To Breast Cancer* anjuran LPPKN bersama Avon Malaysia di 11 buah lokasi Butik Avon sepanjang bulan Oktober 2014 turut menarik penyertaan seramai 1,000 orang wanita.

Bagi mempersiapkan golongan remaja dengan jati diri yang kukuh, jalinan strategik dalam mengintegrasikan Modul Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEKERTI) terus diperkukuhkan menerusi program kerjasama di antara LPPKN dan beberapa buah agensi antaranya: (i) TOT PEKERTI@PLKN berjaya melatih seramai 70 orang Jurulatih Program Khidmat Negara; (ii) TOT PEKERTI@SEKOLAH di 72 buah sekolah rendah, menengah dan pendidikan khas seluruh negara dengan penyertaan seramai 195 orang guru; (iii) TOT PEKERTI@IPGM di 14 buah Institut Perguruan di seluruh negara dengan penyertaan seramai 41 orang pensyarah; dan (iv) TOT PEKERTI@KOMUNITI telah dilaksanakan sebanyak 15 buah bengkel di 8 buah negeri dengan penyertaan seramai 564 orang pelatih terdiri daripada kumpulan sasar di Institusi Kanak-kanak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), sekolah berasrama penuh serta remaja dan ibu bapa yang tinggal di kawasan Projek Perumahan Rakyat di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Kepentingan perspektif keluarga dalam pembangunan negara berjaya mendapat komitmen pihak swasta, NGO dan ahli komuniti. Menerusi pelaksanaan aktiviti mesra keluarga, penerapan nilai-nilai murni dalam kalangan generasi muda sentiasa disemarakkan melalui pelaksanaan Sambutan Hari Ibu, Hari Bapa, Hari Penduduk Sedunia, dan Bulan Keluarga Kebangsaan. Jabatan Kemajuan

**“Aktiviti promosi pencegahan penyakit kanser turut mendorong seramai 70,943 orang wanita menjalani pemeriksaan klinikal (CBE) dan pemeriksaan sendiri (BSE) di bawah pengawasan jururawat terlatih di klinik LPPKN dan semasa aktiviti khidmat masyarakat.”**

Islam Malaysia (JAKIM) turut menyampaikan mesej penghargaan ibu bapa dan kepentingan institusi keluarga menerusi Khutbah Jumaat di seluruh negara. Manakala, Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan 1Malaysia berjaya memupuk amalan kasih sayang dalam kalangan ahli keluarga menerusi Kempen “10 Saat Pelukan Keluarga”. Kempen ini telah berjaya mendapat sebanyak 25 liputan media mengenai kelebihan pelukan 10 saat dari sudut kesihatan dan psikosial.

Sinergi antara LPPKN dan JAKIM menerusi Memorandum Persefahaman (MoU) membolehkan peluasan dan tambah nilai terhadap program persediaan dan pasca perkahwinan di antara keduanya. Penganjuran Majlis Perkahwinan Mega Seri Pengantin secara kerjasama antara LPPKN, JAKIM, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Yayasan Ihtiman Malaysia, Pertubuhan Belia Wawasan Baharu, Kementerian Wilayah Persekutuan, dan Majlis Belia Putrajaya telah berjaya menghimpunkan sejumlah 91 pasangan pengantin. Inisiatif ini berjaya membantu mengurangkan beban ekonomi keluarga terutama bagi golongan muda dan isi rumah yang ingin melangsungkan perkahwinan.

Secara keseluruhannya, pencapaian LPPKN bagi tahun 2014 menepati dan sealiran dengan visi dan misi organisasi serta menepati matlamat Gerakan *1Malaysia Family First* iaitu meningkatkan kesejahteraan keluarga sebagai asas kestabilan masyarakat. Usaha bersepadu LPPKN ini dijayakan menerusi pelaksanaan program dan perkhidmatan meliputi kumpulan sasaran terpinggir. Usaha ini telah memberi kelebihan dan tambah nilai masyarakat mengenai pengetahuan dan kemahiran kekeluargaan yang betul ke arah mencapai kualiti hidup yang lebih baik.

Di kesempatan ini juga, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, semua Ahli Lembaga Pengarah, KPWK, Jabatan, Agensi, NGO, pihak swasta, dan kumpulan pengurusan dan seluruh warga LPPKN atas sokongan, kerjasama dan komitmen yang diberi. Semoga kerjasama erat ini dapat menghasilkan lebih banyak penjenamaan program dan aktiviti kekeluargaan untuk pertimbangan pihak Kerajaan demi memperkasakan agenda pembangunan kesejahteraan keluarga di negara ini.

Kepada semua warga kerja LPPKN, syabas dan tahniah atas ketekunan dan keikhlasan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diberi. Terus usaha dan gerak kerja cemerlang, saya berkeyakinan gandingan mantap semua warga LPPKN mampu merealisasikan impian pewujudan masyarakat penyayang, penduduk berkualiti, dan bangsa Malaysia yang progresif.

Sekian, Wassalam

**DATO' DR. SITI NORLASIAH ISMAIL**

KETUA PENGARAH

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara

# AHLI LEMBAGA PENGARAH



Pengerusi  
Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara  
**YBhg. Tan Sri Dato' Hajah Napsiah binti Omar**  
D.S.N.S., P.S.M.

Ketua Pengarah  
Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara  
**YBhg. Dato' Dr. Siti Norlasiah binti Ismail**  
D.P.S.K

## Wakil-Wakil Kerajaan

**YBhg. Dato' Sri Dr. Noorul Ainur binti Mohd. Nur**  
D.I.M.P., S.S.A.P  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Pembangunan Wanita,  
Keluarga dan Masyarakat  
(tempoh 1/9/2012–7/7/2014)

**YBhg. Dato' Sabariah binti Hassan**  
Ketua Setiausaha KPWK  
Kementerian Pembangunan Wanita,  
Keluarga dan Masyarakat  
(mulai 7 Julai 2014)

Ahli Silih Ganti

**YBhg. Dato' Norsham binti Rahin**  
D.I.M.P  
Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)  
Kementerian Pembangunan Wanita,  
Keluarga dan Masyarakat  
(mulai 7 Julai 2014)

**YBhg. Datuk Harjeet Singh a/l Hardev Singh**  
D.S.A.P, P.M.W.  
Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik)  
Kementerian Pembangunan Wanita,  
Keluarga dan Masyarakat  
(tempoh 1/11/2011-31/10/2014))

**YBrs. Encik Wee Beng Ee**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik)  
Kementerian Pembangunan Wanita,  
Keluarga dan Masyarakat  
(mulai 1 Dis 2014)

Ahli Tetap

**Puan Rodziah binti Haji Morshidi**  
Setiausaha Tetap  
Kementerian Kebajikan Wanita dan  
Pembangunan Keluarga Sarawak

Ahli Silih Ganti

**Pn. Aishah Bt Edris**  
Setiausaha Eksekutif  
Majlis Pembangunan Sosial dan  
Urbanisasi,  
Kementerian Pembangunan Sosial dan  
Urbanisasi Sarawak

Ahli Tetap

**YBhg. Dato' Sri Dr. Khair bin Mohamad Yusof**  
P.M.W  
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Ahli Silih Ganti

**Puan Rosnani binti Mohamed Ali**  
Pengarah  
Bahagian Teknologi Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Ahli Tetap

**YBhg. Datuk Asnimar Hj. Sukardi**  
A.D.K, A.S.D.L, P.G.D.K.  
Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri  
Sabah (Pentadbiran),  
Jabatan Ketua Menteri Kota Kinabalu,  
Sabah

Ahli Silih Ganti

**YBhg. Datuk Hajah Siti Sapoo Haji Ahok**  
Setiausaha Tetap  
Kementerian Pembangunan Masyarakat  
dan Hal Ehwal Pengguna Sabah

Ahli Tetap

**YBhg. Dato' Haji Othman Bin Mustapha**  
Ketua Pengarah  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia  
(JAKIM)

Ahli Silih Ganti

**Tuan Haji Zakuan Bin Sawai**  
A.M.N.  
Pengarah  
Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia  
(JAKIM)

Ahli Tetap

**YBrs. Dr. Ismail bin Jamaluddin**  
Setiausaha  
Bahagian Dasar dan Perancangan  
Strategik (Penerangan)  
Kementerian Komunikasi dan Multimedia  
Malaysia

Ahli Silih Ganti

**YBhg. Datin Sharifah Raihan binti Syed Mahdalli**

Timbalan Setiausaha  
Bahagian Dasar dan Perancangan  
Strategik (Penerangan)  
Kementerian Komunikasi dan Multimedia  
Malaysia

Ahli Tetap

**YBhg. Datuk Hajah Hatipah binti Ibrahim**

Ketua Pengarah  
Jabatan Belia dan Sukan Negara  
Kementerian Belia dan Sukan Malaysia

Ahli Silih Ganti

**Puan Hajah Salmah binti Aziz**

Pengarah (Kecergasan)  
Bahagian Pembangunan Sukan  
Jabatan Belia dan Sukan Negara  
Kementerian Belia dan Sukan

Ahli Tetap

**YBhg. To' Puan Dr. Hjh. Safurah Bt. Hj. Jaafar**

Pengarah  
Bahagian Pembangunan Kesihatan  
Keluarga  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Ahli Silih Ganti

**YBrs. Dr. Hajah Faridah Bt Abu Bakar**

Timbalan Pengarah  
Bahagian Pembangunan Kesihatan  
Keluarga  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Ahli Tetap

**Encik Saiful Anuar bin Lebai Hussien**

Pengarah Seksyen Perkhidmatan Sosial  
Unit Perancang Ekonomi  
Jabatan Perdana Menteri  
(tempoh 1/7/2011-9/10/2014)

**En. Muhamad bin Idris**

Pengarah Seksyen Perkhidmatan Sosial  
Unit Perancang Ekonomi  
Jabatan Perdana Menteri  
(mulai 1/12/2014)  
Ahli Silih Ganti

**Puan Rokiah binti Haron**

Timbalan Pengarah  
Seksyen Perkhidmatan Sosial  
Unit Perancang Ekonomi  
Jabatan Perdana Menteri

Ahli Tetap

**Puan Siti Juriani binti Jalaluddin**

Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Pengurusan Belanjawan  
Kementerian Kewangan Malaysia

Ahli Silih Ganti

**Puan Razmona binti Abdul Razak**

Ketua Penolong Setiausaha  
(Perniagaan & Pelancongan),  
Bahagian Ekonomi dan Antarabangsa  
Kementerian Kewangan Malaysia

## Wakil Badan -Badan Bukan Kerajaan / Individu

Ahli Tetap

**YBhg. Datuk Dr. Zulkifli bin Haji Ismail**

KPJ Selangor Specialist Hospital  
Ahli Tetap

**YBhg. Prof. Madya Tey Nai Peng**

Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran  
Universiti Malaya

Ahli Tetap

**YBhg. Prof. Madya Normah binti Mohd Dali**

Pensyarah,  
Faculty of Business Management  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Ahli Tetap

**Encik Lee Wee Min**

Pengurus Eksekutif  
Focus on the Family, Malaysia

Ahli Tetap

**YBhg. Dato' Dr. Kamaruzaman bin Ali**

A.S.K., B.K.M  
Setiausaha Agung-Kehormat,  
Persekutuan Persatuan- Persatuan  
Kesihatan Reproduksi, Malaysia  
(tempoh 1/1/2003-30/11/2014)

**YBhg. Prof. Madya Siti Hawa Bt Ali**

Pusat Pengajian Sains Kesihatan  
Universiti Sains Malaysia, Kota Bharu  
(mulai 1/12/2014)

Ahli Silih Ganti

**Puan Yeap Meng Chee**

Pengerusi  
Persekutuan Persatuan-Persatuan  
Kesihatan Reproduksi Malaysia,  
(FRHAM)  
(tempoh 1/10/2012-30/9/2014)

**YBrs. Dr. Philip Kho Thong Kwong**


Sarawak FPA  
(mulai 1/12/2004)

**JURUAUDIT LUAR:**

Azman Wong Salleh & Co.



# CARTA ORGANISASI







**Adzmel Mahmud**  
Pegawai Bahagian Kependudukan



**Hairil Fadzly Md. Akhir**  
Pegawai Bahagian Pembangunan Keluarga



**Dr. Rosliah Harun**  
Pegawai Bahagian Reproduksi Manusia



**Abdul Shukur Abdullah**  
Pegawai Bahagian Perancangan Korporat



**Suaizan Abdul Jabar**  
Pegawai Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan



**Adzhar Ismail**  
Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia



**Dr. Dolly Amy Harold**  
Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat



**Mohamad Samsudin Sulaiman**  
Unit Audit Dalam,  
Pejabat Ketua Pengarah



**Rosmonaliza Abd. Ghani**  
Ketua Unit Komunikasi Korporat,  
Pejabat Ketua Pengarah



**Rinawati Mohamed Nawawi**  
Ketua Unit Pembangunan Perniagaan,  
Pejabat Ketua Pengarah

# NILAI BERSAMA LPPKN

## VISI

Mengukuhkan keluarga ke arah pewujudan masyarakat penyayang, penduduk berkualiti dan bangsa Malaysia yang progresif

## MISI

LPPKN komited untuk bertindak sebagai agensi utama dalam menjadikan Malaysia sebagai negara yang berperibadi mulia hasil daripada keluarga yang kukuh, berakhlak, sihat, berilmu dan harmoni

## OBJEKTIF

Mengukuh dan meningkatkan kesejahteraan keluarga melalui program usaha sama yang cekap dan berkesan ke arah melahirkan penduduk yang berkualiti



Tingkah laku penyayang yang dizahirkan dengan cara fizikal dan bukan fizikal



Memperkasakan organisasi dengan mengutamakan kualiti dan pengetahuan serta berkemahiran dalam melaksanakan tugas



Sinergi antara ahli kumpulan untuk mencapai sesuatu objektif yang holistik



Berkomitmen, telus, jujur dan disiplin dalam melaksanakan tugas

# PENGURUSAN KUALITI

## DASAR KUALITI

KUALITI ADALAH PEGANGAN DAN AMALAN LPPKN. PENGHASILAN OU YANG CEMERLANG MENJADI TERAS BUDAYA KERJA KAMI.

## SLOGAN KUALITI

PERIBADI MULIA TERAS KERJA  
CEMERLANG



# PIAGAM PELANGGAN

LPPKN KOMITED UNTUK MELAKSANAKAN PROGRAM KEPENDUDUKAN, PEMBANGUNAN KELUARGA DAN REPRODUKSI MANUSIA DENGAN LEBIH MENYELURUH DAN BERKESAN DEMI MELAHIRKAN KELUARGA YANG BERKUALITI DAN BANGSA MALAYSIA YANG PROGRESIF. MAKA ITU, KOMITMEN KAMI ADALAH UNTUK:



Bertindak sebagai agensi utama dalam mempromosikan pembentukan keluarga dan penduduk yang berkualiti melalui penyebaran maklumat, latihan dan pendidikan, dan rangkaian kerjasama dengan agensi dalaman dan antarabangsa;



Melaksanakan penyelidikan secara berterusan dan saintifik di mana keselamatan dari segi maklumat penting akan dirahsiakan;




Menghasilkan dan menyebarkan maklumat awal kajian dalam tempoh tiga hingga enam bulan selepas kajian tamat;



Memberi perkhidmatan kekeluargaan yang berkualiti, cekap, tepat dan mesra.

Menyediakan khidmat sumber maklumat yang lengkap dan terkini untuk para penggubal dasar, agensi-agensi Kerajaan, swasta dan badan bukan Kerajaan (NGO) serta orang ramai;



Menentukan program latihan dan pendidikan dilaksanakan secara terancang dengan menggunakan bahan-bahan pembelajaran yang seragam, terkini dan dikendalikan oleh jurulatih yang berkelayakan;

Memastikan setiap anggota LPPKN diberi latihan sekurang-kurangnya tujuh hari setahun bagi peningkatan pengetahuan dan kemahiran;



Menyediakan khidmat konsultasi dan sokongan yang cekap, cepat, tepat, telus, mesra dan saksama; dan

Menyediakan prasarana dan kemudahan ICT yang lengkap dan terkini bagi menyokong pelaksanaan program dan aktiviti untuk kumpulan sasar LPPKN.



# KUASA, FUNGSI & TANGGUNGJAWAB AKTA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA 1966 (PINDAAN) 2006

Menasihati Kerajaan mengenai perkara-perkara berkaitan dasar dan program kependudukan, pembangunan keluarga dan reproduksi manusia;

Merancang, melaksana dan menyelaraskan program dan aktiviti kependudukan, pembangunan keluarga dan reproduksi manusia;

Menyebarkan pengetahuan, memberi didikan dan menggalakkan tingkah laku positif dalam bidang kependudukan, pembangunan keluarga dan reproduksi manusia;

Bertanggungjawab melatih individu yang terlibat dalam tugas-tugas berkaitan bidang kependudukan, pembangunan keluarga dan reproduksi manusia;

Menyediakan latihan kepada jurulatih dalam bidang kependudukan, pembangunan keluarga dan reproduksi manusia melalui pembangunan kemahiran, pendidikan berterusan, jaringan kerjasama, kerjasama teknikal di antara negara dan perkongsian teknologi informasi dan komunikasi serta sumber teknikal;

Bertanggungjawab dalam mengenal pasti serta menggalakkan keperluan dan keutamaan penyelidikan, menjalankan penyelidikan serta kajian dalam bidang kependudukan, pembangunan keluarga dan reproduksi manusia termasuk kajian perubahan dan bio perubahan;

Menyediakan perkhidmatan untuk mengenalpasti keperluan semasa yang mungkin perlu disebabkan perubahan teknologi, perubahan terhadap kependudukan, pembangunan keluarga dan reproduksi manusia;

Membangun dan mengekalkan sistem pemantauan dan penilaian program secara berterusan yang boleh dinilai keberkesanannya dari semasa ke semasa ke arah pencapaian objektif nasional; dan

Melaksanakan lain-lain program sampingan dan bersesuaian yang berupaya untuk meningkatkan prestasi fungsi LPPKN secara efektif.

# STRATEGI





# PERISTIWA PENTING 2014







13 FEBRUARI  
2014

Persidangan Antarabangsa Kekeluargaan  
Dari Perspektif Global, di Pusat Konvensyen  
Antarabangsa Persada Johor



17 FEBRUARI  
2014

Program Kerjasama LPPKN Bersama *Focus On The Family* Bersempena Sambutan Ulang Tahun ke-20 "Tahun Keluarga Antarabangsa & Bulan Keluarga Malaysia



25 FEBRUARI  
2014

Majlis Penyampaian Sijil Amalan Profesional Urutan Melayu MamaCare, di Menara Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Kuala Lumpur



17 APRIL  
2014

Taklimat Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia ke-5 (KPKM-5) kepada YAB Menteri Besar Kedah



5 MEI  
2014

Majlis Perasmian Pusat Keluarga LPPKN  
Negeri Perlis



10 MEI  
2014

Sambutan Hari Ibu Peringkat Kebangsaan,  
di Suria KLCC Kuala Lumpur



24 MEI  
2014

Majlis Raja Sehari Mega Bersempena Festival  
Belia Putrajaya



30 MEI  
2014

Program Bicara Sakinah dengan kerjasama  
YADIM, di Panggung Seni, UKM



14 JUN  
2014

Sambutan Hari Bapa Peringkat Kebangsaan,  
di Megamall Mid Valley



7890 likes

kpwkm Happy Fathers Day!!! #ayahkuheroku  
#mydadmyhero #happyfathersday

I ❤️  
DAD



18 JUN  
2014

Program Vaksinasi HPV: Say No To Cervical  
Cancer, di Dewan Tamingsari Universiti  
Teknologi Mara (UiTM) Lendu, Melaka



26 JUN  
2014

Persidangan Kependudukan Peringkat  
Antarabangsa, di Hotel IOI Resort Putrajaya



150GOS  
2014

Majlis Perasmian MamaCare@Koperasi  
LPPKN (M) Berhad, di Ibu Pejabat LPPKN





21 OGOS  
2014

Majlis Pelancaran Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia ke-5, (KPKM-5), di Grand Bluewave Hotel, Shah Alam



25 OGOS  
2014

Pusat Transformasi Komuniti Bergerak (Mobile CTC) Sempena Sambutan Hari Wanita Kebangsaan 2014, Peringkat Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia



**30 OGOS 2014** | Bengkel Penutup Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia ke-5, di Grand Bluewave Hotel, Shah Alam



**1 SEPTEMBER 2014** | Flag off Kajian Penduduk dan Keluarga ke-5 (KPKM-5), di Grand Bluewave Hotel, Shah Alam





12 SEPTEMBER  
2014

Perasmian Program Pendidikan Kesihatan Reprodktif dan Sosial Remaja (PEKERTI@SEKOLAH), Bayu Beach Resort, Port Dickson



14-18  
SEPTEMBER  
2014

Program "Climb for Marriage: I Do! Married For Love. Married For Life", di Gunung Kinabalu, Sabah anjuran LPPKN dan Focus on The Family



19 OKTOBER  
2014

Perasmian Program Kiss Goodbye to Breast Cancer 2014, di Maju Junction Mall, Kuala Lumpur



7 NOVEMBER  
2014

Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan 1 Malaysia, di Stadium Bukit Jalil



**5 NOVEMBER  
2014**

MoU antara JAKIM dengan LPPKN dan Seminar  
Kauseling Syarie Peringkat Kebangsaan



**7 NOVEMBER  
2014**

Anugerah Keluarga Mithali dengan kerjasama  
YADIM



29 NOVEMBER  
2014

Majlis Mega Sri Pengantin Bersempena  
Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan  
1Malaysia 2014



JAN-DISEMBER  
2014

Pelaksanaan Bengkel Latihan Kapasiti  
Penjagaan Selepas Bersalin MamaCare



# **PENCAPAIAN PROGRAM & PERKHIDMATAN LPPKN 2014**





# PENCAPAIAN PROGRAM & PERKHIDMATAN LPPKN 2014

MENGUKUHKAN INSTITUSI KELUARGA SEBAGAI ASAS KESTABILAN SOSIAL

## PETUNJUK PRESTASI UTAMA MKPI 2014

Pencapaian penting pada tahun 2014 ialah kejayaan LPPKN menyumbang kepada pencapaian *Quick Wins* Bidang Keberhasilan Utama Menteri (MKRA) seperti berikut:

Jadual 1:

PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA MKPI 2014

Petunjuk Prestasi Utama	Sasaran 2014	Pencapaian 2014
Bilangan Ahli Keluarga Yang Dilatih Dalam Skil Keibubapaan Bagi Mengurus Ahli Keluarga Berkeperluan Khas	<b>5,000</b> orang ibu bapa dilatih dengan skil keibubapaan berkeperluan khas.	<b>5,230 (105%)</b> orang ibu bapa telah memperoleh faedah dan skil keibubapaan berkeperluan khas
Peratusan Mendapat Perkhidmatan Tiga (3) Dos Lengkap Suntikan Imunisasi <i>Human Papilloma Virus</i> (HPV) Bagi Remaja Wanita Berumur 18 Tahun	<b>75%</b> orang remaja berumur 18 tahun mendapat perkhidmatan 3 dos lengkap HPV	<b>74.13%</b> orang remaja telah melengkapkan 3 dos suntikan HPV
Kejayaan Melobi Pencalonan Malaysia Sebagai Ahli Dalam Suruhanjaya Penduduk Dan Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ( <i>United Nations Commission On Population And Development</i> , UNCPD)	Penyertaan Malaysia sebagai ahli UNCPD	Malaysia diterima sebagai ahli UNCPD

# PETUNJUK PRESTASI UTAMA MKPI 2014

## TERAS #1: PERSPEKTIF KELUARGA DALAM PEMBANGUNAN NEGARA

PENEMUAN AWAL KAJIAN PENILAIAN IMPAK INISIATIF 1MFF

Indeks kreativiti  
**11.02**  
Impak 4 kali ganda berbanding  
pendekatan konvensional (2.57)

### 2 NOTA IKHTISAR bertajuk

- *Framework of Action for the Follow-Up of ICPD-PoA Beyond 2014;* &
- *Population and Development in Malaysia with Respect to the Program of Action of The International Conference on Population and Development*

## TERAS #2: PENGUKUHAN NILAI TERASKELUARGA

**300,641**  
orang ahli keluarga  
telah memperoleh manfaat daripada  
**1,865**  
program Ilmu Keluarga @LPPKN.

Peluk anak 10 saat  
setiap hari

NASIONAL

OLEH ARIF NIZAM ABDULLAH DI KUALA LUMPUR - 02  
NOV 2014 (14 HOURS AGO)

1 of 1



**61,192**  
orang ahli keluarga

telah diraikan bersempena Sambutan Bulan Keluarga  
1Malaysia, Sambutan Hari Ibu, dan Sambutan Hari Bapa  
yang diadakan di seluruh negara.

## TERAS #3: PENGUKUHAN INSTITUSI PERKAHWINAN

**91**

orang pasangan  
pengantin

telah menyertai Majlis  
Perkahwinan Mega (*Mass Wedding*)  
diadakan di seluruh negara.

**66**

orang jurulatih

TOT SMARTSTART 2nd HONEYMOON  
dan Program Semarakkan Cinta

### MoU ANTARA LPPKN dan JAKIM

bertujuan memperkukuhkan kerjasama program dan  
aktiviti perkahwinan, kekeluargaan serta perkongsian  
data dan hasil penyelidikan.



## TERAS #4: KEPERLUAN KEIBUBAAPAN KELUARGA DIPENUHI

**5,230**

orang ibu bapa

Mendapat pengetahuan  
dan kemahiran keibubapaan bagi menguruskan ahli  
keluarga yang berkeperluan khas

**2,241**

orang peserta Program  
SMARTbelanja @LPPK

**2,669**

orang peserta Program  
KELUARGA @KERJA









# TERAS KEBERHASILAN #1 PERSPEKTIF KELUARGA DALAM PEMBANGUNAN NEGARA





IA  
Sebuah Cinta

 **LPPKN**  
LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA

 LPPKN  
**KAJIAN  
PENDUDUK  
KELUARGA  
MALAYSIA  
KELIMA 2014**  
*Fifth Malaysian Population  
and Family Survey 2014*  
SEPTEMBER-NOVEMBER  
Maklumat Anda Penting  
Bersama Kita Membentuk  
Masa Depan Keluarga  
*Bekerjasama Murni,  
Together We Shape The Future  
Of Our Families*  
  
KA  
KINI BE  
DI KAW  
AND  
Maklumat lanjut, sila layari [www.lppkn.gov.my](http://www.lppkn.gov.my)  
For further information, visit [www.lppkn.gov.my](http://www.lppkn.gov.my)  


# TERAS KEBERHASILAN #1: PERSPEKTIF KELUARGA DALAM PEMBANGUNAN NEGARA

Membangun keluarga yang sejahtera, bahagia dan resilien untuk memastikan kestabilan sosial merupakan matlamat Dasar Keluarga Negara (DKN). Justeru itu, LPPKN sentiasa berusaha menyediakan dan memastikan program, perkhidmatan dan kemudahan mesra keluarga mudah diakses.

## KAJIAN PENDUDUK DAN KELUARGA MALAYSIA KE-5 (KPKM-5)

Bagi mempertingkatkan peranan dan fungsi kajian dan penyelidikan dalam bidang kependudukan, pembangunan keluarga, dan kesihatan reproduktif, LPPKN telah memulakan kerja lapangan Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Ke-5 (KPKM-5). Susulan itu, Majlis Pelancaran KPKM-5 telah disempurnakan oleh YB. Senator Datin Paduka Chew Mei Fun, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada 21 Ogos 2014 bertempat di Grand Bluewave Hotel, Shah Alam.

Kajian yang dilaksanakan setiap 10 tahun ini menyediakan data siri masa berhubung pertalian di antara penduduk dan keluarga dengan pembangunan dan digunakan sebagai asas kepada perancangan pembangunan sosioekonomi sama ada di peringkat persekutuan, negeri dan kerajaan tempatan.

Sejumlah 23,112 buah tempat kediaman (TK) telah disasarkan dalam kajian ini. Daripada jumlah tersebut sebanyak **20,248 buah TK telah dilawati dalam tempoh September hingga Disember 2014 dengan sejumlah 12,275 buah TK berjaya ditemu bual.** Hasil kajian dijadikan input oleh agensi Kerajaan, Institusi Pengajian Tinggi, dan juga Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam perancangan dan pembangunan program.





## BENGKEL LATIHAN PENEMUBUAL KAJIAN PENDUDUK DAN KELUARGA Malaysia KE – 5

Sebagai persiapan bagi kerja-kerja lapangan, seramai 195 orang peserta dari Semenanjung, Sabah, dan Sarawak telah berjaya mengikuti bengkel latihan penyelia dan penemu bual berkaitan soal selidik dan manual penemu bual. Tiga Bengkel KPKM-5 telah diadakan iaitu pada 18 Ogos hingga 1 September 2014 di Semenanjung dan 2 September hingga 15 September 2014 di Sabah dan Sarawak.




# 9 SIRI JELAJAH KAJIAN PENDUDUK DAN KELUARGA Malaysia KE – 5

Siri Jelajah KPKM-5 telah diadakan di 9 buah negeri (Kedah, Sarawak, Selangor, Pulau Pinang, Melaka, Labuan, Kelantan, Perak dan Sabah). Sesi ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Kerajaan Negeri mengenai kerjasama dan bantuan dalam melaksanakan operasi kerja lapangan dan hebahan di peringkat negeri.

Hasilnya, pihak Kerajaan Negeri bersedia memberikan kerjasama kepada LPPKN dari segi bantuan kenderaan, kemudahan tempat penginapan, keselamatan, dan calon penemu bual sambilan.

Rajah 1: Siri Jelajah KPKM-5



# The 6<sup>th</sup> East Asia Ministerial Forum on Families

Creating  
Family-Friendly  
Social Environment

December 3-5, 2014  
Shilla Seoul



## THE 6<sup>th</sup> EAST ASIA MINISTERIAL FORUM ON FAMILIES

The 6<sup>th</sup> East Asia Ministerial Forum On Families bertemakan “Creating Family Friendly Social Environment” telah dihadiri oleh YB Dato’ Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan YBhg. Dato’ Dr. Siti Norlasiah Ismail, Ketua Pengarah LPPKN pada 3-5 Disember 2014 di Seoul, Korea. Deklarasi tersebut telah memperakui institusi kekeluargaan merupakan elemen dan nilai yang penting di Asia Timur dan memainkan peranan yang kritikal dalam mewujudkan komuniti Asia yang mampan pada masa hadapan.

Delegasi turut menyokong cadangan untuk mewujudkan indeks antarabangsa persekitaran sosial mesra-keluarga yang boleh diguna pakai oleh negara-negara Asia Timur. Hasil kajian tersebut akan diperbincangkan dalam forum seterusnya pada bulan November 2016 di Thailand.



## THE 47<sup>TH</sup> SESSION OF THE COMMISSION ON POPULATION AND DEVELOPMENT (CPD)

*The 47th Session Of The Commission On Population And Development (CPD)* telah diadakan pada 7 hingga 11 April 2014 bertempat di The United Nations, New York. Sesi ke-47 ini telah dihadiri oleh kumpulan delegasi Malaysia yang terdiri daripada 4 orang iaitu Dato' Sri Dr. Noorul Ainur Mohd Nur (Ketua Setiausaha, KPWKM), Dato' Dr. Siti Norlaysia Ismail (Ketua Pengarah, LPPKN), Pn. Nur Aireen Aireen Azman (Perangkawan, LPPKN) dan Pn. Yeap Meng Chee (Pengerusi, FHRAM). Tema bagi Sesi ke-47 ini ialah *National Experience In Population Matters: Assessment Of The Status Of Implementation Of The Programme Of Action Of The International Conference On Population And Development*. Pada persidangan tersebut, Malaysia telah membentangkan satu kenyataan Negara semasa sesi plenari di samping terlibat dalam sesi negosiasi bagi penghasilan resolusi persidangan.



## 29<sup>TH</sup> SPECIAL SESSION OF THE UN GENERAL ASSEMBLY (UNGASS) ON THE FOLLOW UP OF THE PROGRAMME OF ACTION OF ICPD BEYOND 2014 IN CONJUNCTION WITH 69<sup>TH</sup> UNITED NATIONS GENERAL ASSEMBLY (UNGA)

UNGASS on ICPD Beyond 2014 telah diadakan pada 22 September 2014 bertempat di The United Nations, New York. Sesi ke-29 ini telah dihadiri oleh kumpulan delegasi Malaysia yang diketuai YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Pada persidangan tersebut, Malaysia telah membentangkan satu kenyataan Negara "Assessment of the Status of Implementation of the Programme of Action of the international Conference on Population and Development". Delegasi juga telah mengadakan lawatan sambil belajar di beberapa pusat Keluarga dan komuniti setempat untuk berkongsi pengalaman dengan mereka.



## PERSIDANGAN ANTARABANGSA BERKAITAN KEPENDUDUKAN DAN KEKELUARGAAN

Bersempena Sambutan Hari Penduduk Sedunia 2014 yang disambut pada 11 Julai setiap tahun, LPPKN dengan kerjasama Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran (FEA), Universiti Malaya telah menganjurkan Persidangan Kependudukan Antarabangsa 2014 bertemakan “*Interrelationship Between Population Dynamics and Development*” pada 26 Jun 2014 di Hotel IOI Resort, Putrajaya. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Dato’ Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Matlamat utama persidangan adalah untuk membincangkan isu dan cabaran dinamik penduduk dan hubung kait dengan pembangunan negara serta berkongsi amalan terbaik dari sudut dasar dan program yang dilaksanakan.



## OUTCOME

Input persidangan dikemukakan kepada agensi pusat bagi penyediaan dokumen Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) dan penyertaan Malaysia dalam *Special United Nations General Assembly* (UNGA) di New York.

### KERTAS KERJA

# 10

pembentang kertas kerja mengenai dinamik dan dasar penduduk, pendidikan, kesihatan, pekerjaan, pembangunan, migrasi, sosial dan penuaan.

### PENYERTAAN

# 139

orang peserta mewakili kementerian dan agensi Kerajaan, IPTA/ IPTS, badan antarabangsa dan NGO.

## WORLD FAMILY SUMMIT +10

World Family Summit +10 telah diadakan pada 2-4 Disember 2014 bertempat di Chimelong Hengqin Bay Hotel, Zhuhai, China. Sidang kemuncak ini bertemakan “*Families in Balance: Building the Future We Want Celebrating the Achievements of the Millennium Development Goals (MDGs) and Welcoming the Post 2015 Development Agenda*”. Ia juga membincangkan pencapaian Millennium Development Goals (MDGs) dan persediaan bagi pelaksanaan Sustainable Development Goals (SDGs) di samping memperoleh pengalaman dan perkongsian amalan terbaik antara negara yang terlibat berkaitan program intervensi dan pemulihan dalam isu kekeluargaan. Pada akhir persidangan, satu deklarasi telah dihasilkan.



## PROGRAM BICARA SAKINAH

LPPKN dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) telah menganjurkan Program Bicara Sakinah pada 30 Mei 2014 di Panggung Seni, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB. Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Pelaksanaan program ini boleh dijadikan sebagai platform untuk memperluaskan lagi perkhidmatan kaunseling keluarga kepada masyarakat umum terutama dalam membantu mereka membincang serta menyelesaikan masalah kekeluargaan yang dihadapi.

Dianggarkan lebih 500 orang peserta dalam kalangan pasangan suami isteri muda, ibu tunggal, bapa tunggal, dan orang ramai telah menghadiri program tersebut. Hasil program berkenaan telah berjaya memberi pengetahuan mengenai kepentingan nilai sahsiah positif bagi membina keluarga yang bahagia dan sejahtera.



## KAJIAN DAN PENYELIDIKAN

Fungsi menasihati Kerajaan berkaitan bidang kependudukan, pembangunan keluarga dan kesihatan reproduktif terus diperkukuhkan menerusi aktiviti kajian dan penyelidikan pada tahun 2014. Sebanyak 20 kajian dan penyelidikan berkaitan isu-isu kependudukan dan kekeluargaan telah dijalankan. Hasil penemuan kajian LPPKN disebarikan melalui kertas cadangan dasar, Memorandum dan Nota Jemaah Menteri. Senarai kajian adalah seperti berikut:

### STATUSKAJIAN

7 KAJIAN SELESAI

13 KAJIAN DALAM PELAKSANAAN

#### Jadual 2: Senarai Pelaksanaan Kajian

Pengesanan Mikrodelesi Kromosom Y dalam Kalangan Lelaki yang Mempunyai Masalah Oligozoospermia dan Azoospermia di LPPKN.

Kajian Kesan Faktor Sosio-Demografi, Gaya Hidup dan Persekitaran ke atas Kualiti Air Mani Klien Lelaki yang Menghadiri Klinik Subfertiiliti LPPKN. (Tajuk asal: Faktor-faktor Risiko kepada Infertiiliti bagi Klien LPPKN).

Kajian Pendapat: Kesedaran Orang Ramai Mengenai Masalah Infertiiliti.

Kajian Faktor-Faktor Penurunan Bilangan Klien Perancang Keluarga di Klinik Nur Sejahtera LPPKN.

Kajian Penilaian (Pra dan Pasca) Modul Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial Remaja (PEKERTI) dalam Kalangan Pelatih PLKN Tahun 2013.

Kajian *Fertility at The Crossroad: Children Now, Later or Never*

Kajian *Risk and Protective Factors Affecting (Adolescent Sexual and Reproductive Health) ASRH in East Malaysia.*

Kajian Perbandingan Penggunaan 3 Jenis Rawatan Hormon FSH di kalangan Klien Subfertiiliti yang Menjalani Prosedur Permainan Beradas (IUI) di LPPKN.

Kajian Pengalaman Emosi Pasangan yang Melalui Rawatan Kesuburan di Klinik Kesuburan LPPKN.

Kajian Keseimbangan Kerjaya dan Keluarga.

Kajian Penyediaan Tempat Kerja Mesra Keluarga di Sektor Swasta.

Pengalaman Datuk Nenek yang Menjaga Cucu: Strategi Pembentukan Intervensi dan Model Penjagaan Cucu.

Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima.

*Understanding the Determinants of Mammography Intention Among Malaysian Women.*

*Youth Intervention Study: Good Practices of Youth Intervention Programmes in Malaysia.*

Kajian Faktor-Faktor Penyebab kepada Sindrom Ovari Polisistik dan Kesannya Terhadap Emosi dalam Kalangan Wanita yang Mengunjungi Klinik Subfertiiliti LPPKN (Tajuk asal: *Enhancing Pregnancy Outcome in Women with Polycystic Ovary Syndrome*).

Penilaian Pengalaman Penggunaan Kit Pensampelan Sendiri *Cervisafe* serta Pengesanan Awal Kanser Serviks dan Infeksi Serviks dalam Kalangan Kakitangan LPPKN.

Kajian (Pra dan Pasca) Modul Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial Remaja (PEKERTI) Di Sekolah.

Kajian *Longitudinal* ke atas Keberkesanan Program Kokurikulum Pembangunan Keluarga.

Kajian Impak *Longitudinal* Program Pra Perkahwinan SMARTSTART.

## SEBARAN HASIL KAJIAN LPPKN

- Fact sheet bertajuk “*Malaysia’s Demographic Trends*” dan “Kejayaan KPKM”.
- Strategic paper bertajuk *Strengthening Family and Marriages Institution*.
- Input Rancangan Malaysia ke 11: Strategic paper bertajuk “*Population and Demographics*”.
- PopInfo Issue 1/2014 - *Malaysian Family Well-being Index Study 2011*”
- PopInfo Issue 2/2014 - *Assessment of the Status of Implementation of the ICPD-PoA*.

## OUTCOME

Hasil kajian LPPKN turut menerima permintaan daripada para penyelidik, pelajar-pelajar IPTA, dan orang awam untuk mendapatkan data-data mengenai isu penduduk, remaja, keluarga, wanita, perkahwinan, dan perceraian.

## NOTA/ MEMORANDUM JEMAAH MENTERI/ INPUT/ MAKLUM BALAS/KERTAS TEKNIKAL DAN ARTIKEL ILMIAH

- 1 Nota Jemaah Menteri dan 1 Memorandum Jemaah Menteri mengenai Laporan Ringkasan Kedudukan Kewangan dan Prestasi Tahunan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara Tahun 2013.
- 1 Nota Jemaah Menteri mengenai Penemuan Hasil Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga.
- 109 Input teknikal/ artikel ilmiah mengenai bidang kekeluargaan, kesihatan reproduktif dan kependudukan.

## PENYEBARAN HASIL KAJIAN LPPKN DI PERINGKAT ANTARABANGSA

- *Country Statement, Country Report* dan Nota Ikhtisar untuk 47th UNCPD Meeting.
- 1 Nota Ikhtisar bertajuk “*Framework of Action for the Follow-Up of ICPD-PoA Beyond 2014*” dan *Population and Development in Malaysia with Respect to the Program of Action of The International Conference on Population and Development*.



# TERAS KEBERHASILAN #2 PENGUKUHAN NILAI TERAS KELUARGA





SELAMAT HARI IBU

SELAMAT HARI IBU

SELAMAT HARI IBU

TO MY MOM  
THANK U FOR  
EVERYTHING

*"Ibu Di Hati Syurga Menanti"*  
**Sambutan Hari Ibu**  
PERINGKAT KEBANGSAAN 2014  
YB DATO' SRI ROHANI ABUL KARIM  
10 MEI 2014  
SURIJA, KUALA LUMPUR

SELAMAT HARI IBU

SELAMAT HARI IBU

SELAMAT HARI IBU

# TERAS KEBERHASILAN #2: PENGUKUHAN NILAI TERAS KELUARGA

Komitmen dan penglibatan pihak swasta, NGO, dan ahli komuniti untuk menerapkan nilai-nilai murni kekeluargaan seperti kasih sayang, dan hormat-menghormati terutama dalam kalangan generasi muda secara konsisten diteruskan menerusi program sambutan hari-hari utama seperti Sambutan Hari Ibu, Sambutan Hari Bapa, dan Sambutan Bulan Keluarga 1Malaysia. Antaranya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) turut sama menyampaikan mesej penghargaan kepada ibu bapa dan kepentingan institusi kekeluargaan yang utuh menerusi khutbah Jumaat di Masjid Negara, Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin Putrajaya dan Masjid Putra, Putrajaya.

## 564

Siri ceramah mengenai nilai-nilai kekeluargaan dan kesihatan reproduktif melibatkan penyertaan

## 44,270

orang ahli keluarga

## 1,296

Program Ilmu Keluarga @ LPPKN telah memberi manfaat kepada

## 154,270

orang ahli keluarga

## PROGRAM ILMU KELUARGA @ LPPKN

Keluarga di Malaysia kini berhadapan dengan pelbagai cabaran antaranya akibat kepesatan pembangunan sosioekonomi dan arus globalisasi. Hakikat tersebut menuntut agar institusi keluarga dilengkapi dengan kepelbagaian ilmu pengetahuan dan kemahiran selaras dengan perubahan semasa. Maka, pelaksanaan Kursus Ilmu Keluarga @ LPPKN terus dipergiat saban tahun sebagai usaha yang berterusan dalam memberi ilmu kekeluargaan kepada ahli keluarga di Malaysia.



# SAMBUTAN HARI IBU PERINGKAT KEBANGSAAN 2014

Majlis Sambutan Hari Ibu Peringkat Kebangsaan bertemakan “**Ibu Di Hati, Syurga Menanti**” telah diadakan di Suria KLCC, Kuala Lumpur pada 10 Mei 2014 dan dirasmikan oleh YB Dato’ Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan turut diadakan secara serentak di seluruh negara. Seperti tahun-tahun lalu, tujuan sambutan ialah untuk memupuk kesedaran dalam kalangan masyarakat agar mengiktiraf dan menghargai peranan dan jasa kepada ibu.

Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan seperti pertandingan gambar selfie, Studio Mini, *art therapy*, pendedaran bunga, aktiviti ‘*Fun Time With Moms*’, sesi beramah mesra dengan YB Menteri PWKM dan kempen mamogram bagi mengesan kanser payudara untuk ibu berumur 40 tahun ke atas. Pelaksanaan program berkenaan turut mendapat kerjasama strategik daripada pelbagai agensi antaranya KOSMO, Petrosains, CIMB Bank, AVON, TV3 dan RTM.

# 17,843

orang ibu telah diraikan bersempena Sambutan Hari Ibu di seluruh negara.



# SAMBUTAN HARI BAPA PERINGKAT KEBANGSAAN 2014

Majlis Sambutan Hari Bapa Peringkat Kebangsaan 2014: “**Ayahku, Heroku**” telah diadakan di Megamall Mid Valley, Kuala Lumpur pada 14 Jun 2014 dan dirasmikan oleh YB Dato’ Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Pengisian acara Sambutan Hari Bapa 2014 diserikan aktiviti demam bola sepak Piala Dunia 2014. YB Menteri turut memberi penghargaan kepada **Tokoh Bapa Sukan** yang telah memberi sokongan dan inspirasi kepada anak-anak mereka sehingga berjaya mengharumkan nama negara.

Turut memeriahkan suasana dengan pelbagai aktiviti yang dijalankan seperti pertandingan selfie bersama bapa, membuat aiskrim, permainan bola PS3, *art therapy*, mini Studio KOSMO, permainan ular gergasi dan lain-lain.



# 13,349

orang bapa telah diraikan bersempena Sambutan Hari Bapa di seluruh negara.

## TINJAUAN PENDAPAT

# 57.8%

orang bapa meluangkan masa bersama anak-anak di antara 1-4 jam sehari pada hari Isnin hingga Jumaaat

# 56%

orang bapa berpendapat bahawa purata masa yang mereka luangkan untuk bersama anak-anak adalah mencukupi

**Penemuan tinjauan  
diguna pakai  
untuk mengenal  
pasti isu dan  
penambahbaikan  
program intervensi  
bagi meningkatkan  
hubungan di antara  
bapa dan anak.**

# SAMBUTAN BULAN KELUARGA 1MALAYSIA 2014

Sambutan Bulan Keluarga 1Malaysia yang bermula pada 25 Jun 2012 terus disemarakkan dalam tahun 2014. Usaha dan kesungguhan ini sebagai tanda sokongan terhadap usaha-usaha pengukuhan institusi kekeluargaan di Malaysia. Pada tarikh 2 November 2014 bertempat di Stadium Bukit Jalil telah berlangsungnya Sambutan Bulan Keluarga 1Malaysia peringkat Kebangsaan yang disempurnakan oleh YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Bertemakan 'Keluarga Bahagia Negara Sejahtera' maka, amalan kasih sayang dalam kalangan ahli keluarga terus disemarakkan menerusi "10 Saat Pelukan Keluarga". Kempen ini telah berjaya mendapat 25 liputan media mengenai kelebihan pelukan 10 saat dari sudut kesihatan dan psikososial.

DIANGGARKAN

# 30,000

orang ahli keluarga telah diraikan bersempena Sambutan Bulan Keluarga di seluruh negara.





# TERAS KEBERHASILAN #3 PENGUKUHAN INSTITUSI PERKAHWINAN





# TERAS KEBERHASILAN #3: PENGUKUHAN INSTITUSI PERKAHWINAN

Usaha memperkukuhkan institusi perkahwinan sering berhadapan dengan ketidaktentuan cabaran. Justeru, kestabilan dan usaha untuk menyejahterakan institusi keluarga memerlukan pendekatan bersepadu daripada pelbagai agensi dan diperluas daripada semasa ke semasa. Pendekatan LPPKN menerusi pelaksanaan program pendidikan perkahwinan SMARTSTART banyak memberi manfaat kepada pasangan yang baharu serta yang akan berkahwin tentang pelbagai aspek perkahwinan dan keibubapaan bagi memberi sokongan psikologi kepada mereka supaya bersedia menempuh alam perkahwinan dan berumah tangga agar sejahtera.

## OUTPUT 2014

### 66

Orang jurulatih SMARTSTART 2nd  
HONEYMOON berjaya dilatih dalam tahun  
2014

### 28

Program SMARTSTART

### 1,771

Bilangan peserta SMARTSTART

## KURSUS PRA PERKAHWINAN SMARTSTART

Sejak diperkenalkan dalam tahun 2006, Siri Kursus Pra Perkahwinan SMARTSTART telah memberi manfaat kepada bakal-bakal pengantin baru untuk persiapan sebelum dan selepas berkahwin dan bagi pasangan yang telah berumah tangga seawal lima tahun usia perkahwinan.



## JARINGAN KERJASAMA PINTAR

Jaringan kerjasama pintar di antara LPPKN, agensi Kerajaan, NGO, dan swasta terus diperkukuhkan sebagai strategi bagi mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan dan keberkesanan Program SMARTSTART LPPKN kepada kumpulan sasaran antaranya menerusi:

### CLIMB FOR MARRIAGE

Program *Climb for Marriage* merupakan salah satu daripada kempen “*I Do! Married for Love. Married for Life*” telah diadakan pada 14-18 September 2014 di Gunung Kinabalu, Sabah. Program anjuran *Focus on the Family* dengan kerjasama LPPKN ini telah dirasmikan oleh YB. Senator Datin Paduka Chew Mei Fun, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Matlamat utama pelaksanaan program bertujuan mengukuhkan institusi perkahwinan dan kekeluargaan. Seramai 27 orang peserta telah mendaki Gunung Kinabalu sebagai simbolik kepada perhubungan institusi kekeluargaan.





## PEMETERAIAN PERJANJIAN PERSEFAHAMAN (MoU) LPPKN DAN JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM) KE ARAH PENGUKUHAN INSTITUSI KELUARGA

LPPKN dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menandatangani MoU pada 5 November 2014 bagi membolehkan peluasan dan nilai tambah terhadap program persediaan dan pasca perkahwinan dan kekeluargaan yang dianjurkan oleh JAKIM dan LPPKN. Antaranya menerusi perkongsian data, hasil penyelidikan, bahan penerbitan, dan maklumat. Kerjasama kedua-dua agensi diharap dapat meningkatkan skor Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia pada tahap 7.55 pada tahun 2011 kepada tahap melebihi skor 8 di masa akan datang serta menjadi platform untuk sama-sama memacu kestabilan dan pengukuhan keluarga Malaysia.



## MAJLIS PERKAHWINAN MEGA SRI PENGANTIN.

Penganjuran Majlis Perkahwinan Mega Sri Pengantin yang dilaksanakan menerusi pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan merupakan salah satu kejayaan Bulan Keluarga Kebangsaan 1Malaysia.

Seramai 91 pasangan pengantin yang terdiri daripada golongan isi rumah berpendapatan rendah telah diraikan dalam satu majlis yang diadakan dengan kerjasama LPPKN, JAKIM, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Yayasan Ihtimam Malaysia, Pertubuhan Belia Wawasan Baharu, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Majlis Belia Putrajaya. Inisiatif kerjasama ini berjaya membantu mengurangkan beban ekonomi keluarga terutama bagi golongan muda yang ingin melangsungkan perkahwinan.

## OUTCOME:

Perkahwinan Mega 1Malaysia akan diteruskan dalam tahun 2015.

## OUTPUT:

2 Program Majlis Perkahwinan Mega Seri Pengantin pada tahun 2014

# 73

Pasangan pengantin diijabkabulkan pada 24 Mei 2014 di Masjid Sultan Mizan, Putrajaya.


# 18

Pasangan Pengantin telah diraikan pada 29 November 2014 di Shangri-La Hotel Putrajaya





**TERAS  
KEBERHASILAN #4  
KEPERLUAN  
KEIBUBAAPAN  
KELUARGA DIPENUHI**






SELAMAT  
DATANG  
Welcome  
நல்வரவு  
欢迎

PREMIER®  
the PREMIER® tissue  
200 PULLS  
TWO PLY

Uta  
Keluar

# TERAS KEBERHASILAN #4: KEPERLUAN KEIBUBAAPAN KELUARGA DIPENUHI

Usaha memastikan LPPKN berdaya saing dan responsif kepada perubahan persekitaran, pelaksanaan program, dan aktiviti keibubapaan dalam tahun 2014 terus diperluas melalui jaringan kerjasama pelbagai agensi kerajaan, swasta, dan NGO. Sehubungan itu, aktiviti pendidikan kekeluargaan terus dipertingkatkan melalui kursus Keluarga@Kerja, Kursus Pra Perkahwinan SMARTSTART, SMARTbelanja@LPPKN, Ilmu Keluarga@LPPKN, program kekeluargaan Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga (MPWK), dan program kerjasama kekeluargaan anjuran LPPKN dengan agensi kerajaan, swasta, dan NGO. Sepanjang tahun 2014 **seramai 300,641 orang ahli keluarga** telah menghadiri program-program berkenaan terutama dalam kalangan keluarga berstatus *high risk* dan *at risk* (Rujuk Rajah 2).




Rajah 2: Prestasi Program Dan Aktiviti Pembangunan Keluarga, 2014

# PROGRAM KELUARGA@KERJA

Program Keluarga@Kerja diteruskan lagi dalam tahun 2014 sejak diperkenalkan pada tahun 2007.

Menerusi program ini para peserta program akan memperoleh manfaat daripada kemahiran dan teknik yang dipelajari antaranya kemahiran mengimbangi kerja dan keluarga, pengurusan masa, ilmu keibubapaan, dan kemahiran menjadi ibu bapa yang lebih baik.

Program satu hari ini dijalankan di tempat kerja dengan sokongan majikan sektor awam dan swasta, masyarakat, dan NGO.



70  
program

2,669

Orang peserta memperoleh panduan, pengetahuan dan skil mengimbangi konflik keluarga dan kerjaya.

LAPORAN TAHUNAN 2014  
LEMBAGA PENYUJUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA

## PROGRAM SMARTBELANJA@LPPKN

Program SMARTbelanja@LPPKN diperkenalkan bertujuan membantu kumpulan sasar terpilih terutama golongan muda mengenai pengetahuan, kemahiran dan panduan dalam merancang kewangan dan perbelanjaan secara berhemah.

# 2,241

orang ahli keluarga memperoleh kemahiran pengurusan kewangan yang baik



# BENGGKEL KEMAHIRAN KEIBUBAAPAN ANAK BERKEPERLUAN KHAS

LPPKN dengan kerjasama Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan, IPTA/IPTS, masyarakat, dan individu telah melaksanakan Bengkel Kemahiran Keibubapaan Anak Berkeperluan Khas bagi meningkatkan kesedaran dan kemahiran keibubapaan dalam kalangan masyarakat terutamanya ibu bapa yang mempunyai anak kurang upaya (OKU).

# 5,230

orang ibu bapa berjaya dilatih dalam skil keibubapaan bagi mengurus ahli keluarga yang berkeperluan khas di seluruh negara





# TERAS KEBERHASILAN #5 ASAS YANG KUKUH UNTUK REMAJA






# TERAS KEBERHASILAN #5: ASAS YANG KUKUH UNTUK REMAJA

Remaja merupakan aset penting yang perlu digilap dan ditingkatkan jati diri dalam usaha meningkatkan kualiti hidup rakyat dan kesejahteraan negara. Mereka masih memerlukan tunjuk ajar dan bimbingan yang betul dalam setiap langkah kehidupan. Menyedari hakikat tersebut, Program Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial Remaja (PEKERTI) yang dilaksanakan oleh LPPKN telah memberi pengetahuan dan kemahiran tambahan terutama panduan memilih cara gaya hidup sihat dan menjauhi pergaulan bebas.

## PUSAT REMAJA kafe@TEEN

Dalam tahun 2014, Pusat Remaja kafe@TEEN telah beroperasi di 8 premis LPPKN dan 5 buah UTC. Pertambahan bilangan pusat ini telah membolehkan

lebih ramai remaja mendapat akses kepada kepelbagaian program antaranya pendidikan kesihatan reproduktif, kaunseling, pembangunan kemahiran, dan sahsiah diri.




### PERKHIDMATAN KESIHATAN REPRODUKTIF REMAJA

Seksualiti, dermatologi, pengurusan berat badan, henti merokok, masalah perubatan, mental, dan khidmat nasihat.

### PERKHIDMATAN KAUNSELING SOSIAL

Kaunseling individu & kaunseling kelompok

Rajah 3: Prestasi Perkhidmatan Kesihatan Reproduksi dan Kaunseling Sosial Remaja, 2013 - 2014



■ Perkhidmatan Kesihatan Remaja  
■ Perkhidmatan Kaunseling Sosial



## PEMBANGUNAN SAHSIAH REMAJA

Dalam tahun 2014, program penerapan nilai murni kekeluargaan dalam kalangan remaja terus diperkukuhkan di mana sebanyak 178 program telah dijalankan melibatkan penyertaan 22,387 orang remaja menerusi pelaksanaan modul-modul pembangunan remaja LPPKN.

# PROGRAM PENDIDIKAN KESIHATAN REPRODUKTIF DAN SOSIAL REMAJA (PEKERTI) DALAM KOMUNITI (PEKERTI@KOMUNITI)

Usaha melahirkan lebih ramai Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) dalam kalangan pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam/Swasta diteruskan lagi pada tahun 2014. Menerusi Program PEKERTI@KOMUNITI para pelajar IPTA/IPTS akan memperoleh pengetahuan, pendidikan dan kemahiran dalam membuat pilihan dan tindakan tepat terutama dalam menghindari dan mengurangkan tingkah laku seksual yang berisiko tinggi yang membawa kepada kehamilan luar nikah, pengguguran haram, penyakit jangkitan seksual, dan HIV/AIDS.

**4**  
program

**PEKERTI@KOMUNITI**

**776**  
peserta

**IPTA/ IPTS**  
Pelajar-pelajar daripada (i) Institut Kemahiran Mara Lumut, Perak; (ii) Universiti Utara Malaysia (UUM); (iii) Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan (iv) Kolej Komuniti Kok Lanas, Kota Bharu, Kelantan.



DALAM TAHUN 2014, SERAMAI  
776 ORANG REMAJA TERDIRI  
DARIPADA:

**38%**      **62%**

**PESERTA IPTA/IPTS**  
telah kompeten bertindak sebagai PRS dalam membantu penyebaran maklumat mengenai kemahiran hidup (*living skills*) berkaitan kesihatan reproduksi dan sosial dalam kalangan rakan sebaya (*peers*).



## BENGGEL LATIHAN KEJURULATIHAN (TOT) PEKERTI TAHUN 2014

Bagi membolehkan lebih ramai golongan remaja mendapat pengetahuan dan pendidikan mengenai kehamilan, penyakit jangkitan seksual, HIV/AIDS dan seksualiti. Perluasan jaringan kerjasama strategik dalam mengintegrasikan **Modul Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEKERTI)** di antara LPPKN dan beberapa buah agensi berkaitan menerusi Bengkel TOT PEKERTI telah dilaksanakan seperti berikut:

- TOT PEKERTI@PLKN berjaya melatih seramai **70** orang Jurulatih Program Khidmat Negara;
- TOT PEKERTI@SEKOLAH di **72** buah sekolah rendah, menengah dan pendidikan khas seluruh negara dengan penyertaan seramai 195 orang guru;
- TOT PEKERTI@IPGM di **14** buah Institut Perguruan di seluruh negara dengan penyertaan seramai **41** orang pensyarah; dan
- TOT PEKERTI@KOMUNITI telah dilaksanakan sebanyak **15** buah bengkel di 8 buah negeri dengan penyertaan seramai **564** orang pelatih terdiri daripada kumpulan sasar di Institusi Kanak-kanak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), sekolah berasrama penuh serta remaja dan ibu bapa yang tinggal di kawasan Projek Perumahan Rakyat di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

### Say No to Sex FAKTOR PELINDUNG

Kawalan dalam  
Pengetahuan tentang kesihatan reproduktif  
*Family rules* & hubungan rapat  
Persekitaran sekolah  
Komuniti yang positif  
Bahan cetak



Sepanjang tahun 2014

**77,924**

orang remaja telah mendapat vaksin  
pencegahan kanser serviks

&

**68,263**

Orang remaja wanita berjaya  
melengkapkan 3DOS SUNTIKAN HPV

## PROGRAM VAKSINASI HUMAN PAPILLOMA VIRUS (HPV)

Pelaksanaan pemberian suntikan Vaksinasi Human Papilloma Virus (HPV) secara percuma kepada remaja wanita berumur 18 tahun terus dipergiat dalam tahun 2014. Usaha pencegahan ini bertujuan mencegah kanser serviks di samping membantu meningkatkan kualiti kesihatan remaja wanita. Justeru, langkah proaktif terus di perkasakan menerusi jaringan kerjasama LPPKN dengan Kerajaan Negeri Melaka dan UiTM Melaka. Menerusi pelaksanaan Program Vaksinasi HPV: *Say No to Cervical Cancer*, LPPKN telah berjaya memperoleh Sijil *Malaysia Book of Records* dengan penyertaan seramai 1,550 orang remaja mendapat suntikan HPV.





# TERAS KEBERHASILAN #6 PERKHIDMATAN SOKONGAN KELUARGA

Care

listik  
salin



odukt

EGARA

.my

# TERAS KEBERHASILAN #6: PERKHIDMATAN SOKONGAN KELUARGA

LPPKN mengambil inisiatif menyediakan perkhidmatan sokongan keluarga yang mudah diakses oleh ahli keluarga dan masyarakat menerusi perkhidmatan kesihatan reproduktif keluarga, kaunseling perkahwinan dan kekeluargaan, Unit Bergerak LPPKN dan AIRIS Keluarga (Anjung Interaksi, Rekreasi, Intervensi dan Sokongan Keluarga).

258,180

Ahli Keluarga telah menerima pelbagai perkhidmatan kekeluargaan seperti khidmat kaunseling keluarga, perancang keluarga, *pap smear*, pemeriksaan payudara, saringan kesejahteraan (*wellness*) dan pengurusan perkhidmatan *infertility*.

## PROGRAM OUTREACH

### UNIT BERGERAK LPPKN DAN KHIDMAT MASYARAKAT

Aksesibiliti khidmat kesihatan reproduktif keluarga secara *outreach* disediakan melalui 6 Unit Bergerak LPPKN di seluruh negara. Ini bagi membolehkan khidmat penjagaan kesihatan dan kaunseling secara terus kepada akar umbi kursusnya di Sabah dan Sarawak. Dalam tahun 2014, seramai 12,655 orang ahli keluarga telah mendapat faedah daripada perkhidmatan Unit Bergerak LPPKN.

Selain itu, LPPKN turut mendapat permintaan daripada agensi Kerajaan dan komuniti untuk mengendalikan **363 program khidmat masyarakat** melibatkan **23,208** orang ahli keluarga di seluruh negara. Aktiviti yang dijalankan seperti khidmat kaunseling, pemeriksaan saringan kesejahteraan, pendaftaran mamogram dan suntikan percuma HPV.



## PROGRAM MOBILE CTC - PUSAT TRANSFORMASI KOMUNITI BERGERAK

Di bawah inisiatif Strategik Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), LPPKN merupakan salah satu agensi Kerajaan yang menyediakan perkhidmatan Unit Bergerak di bawah program **Mobile CTC** anjuran Unit Penyelaras Strategik, Kementerian Kewangan. Pelaksanaan Program **Mobile CTC** secara *outreach* bertujuan membantu penduduk di kawasan pedalaman mendapat akses kepada perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan. Seramai 61,987 ahli keluarga telah menerima khidmat saringan kesihatan dan kaunseling keluarga sepanjang tahun 2014.



# 30,071

orang ahli keluarga telah dikesan mempunyai paras BMI, kolesterol & glukosa yang tinggi menerusi Pakej A.

# 54%

orang peserta telah menerima faedah daripada PAKEJA (saringan kesejahteraan)

## Manakala

# 4%

orang ahli keluarga telah menerima faedah daripada PAKEJ B (Pakej A & pap smear)

## PROGRAM PENJAGAAN SELEPAS BERSALIN (MAMACARE)

Di bawah inisiatif NBOS, LPPKN telah diberi tanggungjawab melaksanakan program pengupayaan ekonomi wanita menerusi Program *MamaCare*. Program ini dijalankan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia melibatkan Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, Bahagian Pemakanan dan Bahagian Kesihatan Keluarga.

Program ini yang diberi khusus kepada golongan ibu tunggal dan wanita warga emas telah berjaya memberi impak positif terutama dalam peningkatan taraf hidup isi rumah. Sepanjang tahun 2014, LPPKN berjaya melatih seramai 300 orang pelatih *MamaCare* sebagai profesion menerusi program latihan kapasiti dalam aspek kemahiran urutan dan penjagaan selepas bersalin, aspek pemakanan sihat ketika berpantang, penyusunan ibu, perancang keluarga, keibubapaan anak kecil, dan kaunseling keluarga. Perkhidmatan urutan dan penjagaan selepas bersalin ini turut disediakan di premis Pusat Transformasi Bandar (UTC).



SEJAK 2012 – 2014 LPPKN BERJAYA MELATIH seramai

**391**

PENGAMAL MAMACARE

&

Pendapatan TERTINGGI yang dicapai oleh PENGAMAL MAMACARE

**RM11,000**

sebulan.



## PROGRAM KEMBARA KAUNSELING

Program Kembara Kaunseling yang dijalankan secara *outreach* turut membolehkan perkhidmatan kaunseling dapat diakses oleh masyarakat terutamanya di kawasan pedalaman di seluruh negara. Seramai 8,827 orang peserta telah menjalani saringan berkaitan kesihatan emosi, mental dan psikologi melalui inventori khas.



## PERKHIDMATAN KAUNSELING PERKAHWINAN DAN KEKELUARGAAN

Sepanjang tahun 2014, LPPKN telah mengendalikan 3,959 sesi kaunseling perkahwinan dan kekeluargaan dengan melibatkan seramai 9,733 orang klien. Pengendalian sesi yang dikendalikan oleh Pegawai Psikologi dan Panel Kaunselor meliputi masalah seperti konflik perkahwinan, konflik keluarga, tekanan, keibubapaan, seksual, komunikasi dan kewangan.



## PERKHIDMATAN KAUNSELING UNTUK KELUARGA BEKAS BANDUAN/ ORANG YANG DISELIA (ODS)

Salah satu program di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan, jalinan kerjasama di antara LPPKN dan Jabatan Penjara terus diperkukuh menerusi program kaunseling dan sokongan emosi kepada bekas banduan/orang yang diselia (ODS) dan keluarga ODS. Tanggungjawab LPPKN adalah untuk membimbing bekas banduan/ODS yang sedang menjalani hukuman penjara untuk kembali ke pangkuan keluarga menerusi perkhidmatan kaunseling, motivasi dan program sokongan.

PELAKSANAAN  
PERKHIDMATAN KAUNSELING  
UNTUK KELUARGA BEKAS  
BANDUAN/ODS:

LOKASI

**5 BUAH NEGERI**

Kelantan, Pahang, Johor,  
Negeri Sembilan & Kedah

Sepanjang tahun 2014,

Seramai

**542 ODS**

Telah mengikuti sesi  
kaunseling.

**158** Sesi kaunseling keluarga  
& kelompok melibatkan **799**  
orang ahli keluarga.

**45** Sesi Terapi & intervensi  
melibatkan **2,504** ODS &  
ahli keluarga.

Taklimat dan *Home Visit*  
melibatkan **215** ODS &  
ahli keluarga.



## AIRIS (ANJUNG INTERAKSI, REKREASI, INTERVENSI, DAN SOKONGAN KELUARGA)

Sepanjang tahun 2014, AIRIS Keluarga di Seremban 2 Negeri Sembilan, Selayang Selangor dan Bertam Pulau Pinang telah menyelaras dan melaksanakan sebanyak 106 program dan aktiviti. Pelaksanaan program tersebut memberi manfaat kepada seramai 1,962 orang peserta dalam komuniti setempat. Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah Ilmu@AIRIS, Kreatif Wellness Terapi, Art Terapi, Terapi Tari dan sebagainya.



**AIRIS**

**PUSAT RUJUKAN SETEMPAT**


yang membantu keluarga berisiko tinggi  
mengurus konflik dan menangani tekanan  
dalam keluarga.




## PERKHIDMATAN KLINIKAL

LPPKN merupakan pusat setempat yang menawarkan perkhidmatan kesihatan reproduktif secara komprehensif dan disokong dengan kemudahan klinikal, perkhidmatan diagnostik serta pegawai dan kakitangan yang profesional. Seramai 239,620 orang ahli keluarga telah menerima perkhidmatan kesihatan reproduktif sepanjang tahun 2014 berbanding tahun 2013 (Rajah 4). Pengendalian ujian diagnostik makmal turut mencatatkan peningkatan 15% berbanding tahun 2013 (Rajah 5). Sebanyak 147 pasangan yang mendapat perkhidmatan pengurusan subfertiiliti telah berjaya hamil sepanjang tahun 2014 (Rajah 6). Peratusan kejayaan kehamilan mengikut prosedur adalah setaraf dengan mana-mana agensi sama ada di dalam mahupun luar negara.


Rajah 4: Prestasi Perkhidmatan Utama Kesihatan Reproduksi Keluarga, 2012-2014




Rajah 5: Prestasi Perkhidmatan Diagnostik Makmal, 2012-2014




Rajah 6: Jumlah Pasangan Berjaya Hamil, 2012-2014



Rajah 7: Jumlah Kendalian Kes Klinik Subfertiliti LPPKN, 2012-2014



Rajah 8: Peratusan Kejayaan Kehamilan mengikut Prosedur Rawatan Kesuburan Klinik Subfertiliti LPPKN, 2012-2014



## PROGRAM SUBSIDI UJIAN MAMOGRAM

Terus diperkukuh sejak diperkenalkan pada tahun 2007 terutama kepada keluarga berpendapatan rendah dan miskin bagi mempertingkatkan kualiti penjagaan kesihatan dan kesejahteraan keluarga. Usaha ini diperluas menerusi 62 buah pusat Mamogram swasta yang berdaftar dengan LPPKN, 16 Klinik Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan bantuan 56 Badan Bukan Kerajaan (NGO) bagi merujuk klien untuk mendapatkan saringan ujian Mamogram. Pada tahun 2014, LPPKN telah mengubah kriteria pendapatan isirumah dari RM5,000 kepada RM10,000 bagi ujian mamogram percuma serta pelaksanaan Ujian *Pap Smear* percuma bagi wanita yang telah menjalani ujian mamogram LPPKN.

# 224,602

Hasilnya seramai **58,732** orang wanita telah menjalani ujian Mamogram. Daripada jumlah tersebut seramai 54,415 kes didapati normal, 4,317 kes telah di kategorikan di bawah penyiasatan lanjut yang memerlukan pemeriksaan susulan, dan **79 orang wanita telah dikesan positif** kanser payudara. Aktiviti promosi pencegahan penyakit kanser juga telah berjaya mendorong sejumlah **70,943 orang wanita menjalani pemeriksaan sendiri payudara** di bawah pengawasan jururawat terlatih sama ada di klinik-klinik LPPKN atau semasa aktiviti khidmat masyarakat yang diadakan di sepanjang tahun 2014.



### JARINGAN KERJASAMA STRATEGIK:

Bagi meningkatkan kesedaran wanita mengenai kesihatan dan pengesanan awal kanser payudara melalui ujian saringan mamogram. Kerjasama LPPKN, Klinik Nur Sejahtera negeri, Pusat Mamogram Swasta, NGO dan Kementerian Kesihatan Malaysia giat dilaksanakan menerusi:


73 Program khidmat masyarakat & program pendidikan kanser payudara dijalankan di seluruh negara

Promosi program menerusi Siri Jelajah Mobile CTC

Rujukan wanita menjalani ujian mamogram menerusi 52 pusat mamogram *entry point*

Mesyuarat penambahbaikan program di 5 zon (Sabah, Sarawak, Zon Timur, Zon Utara dan Zon Tengah)

Rajah 9: Prestasi Ujian Mamogram, 2007-2014





## PROGRAM *KISS GOODBYE TO BREAST CANCER* (KGBC)

Kesedaran terhadap pengesanan awal kanser payudara turut dipertingkatkan dan diteruskan dalam tahun 2014 menerusi Program Khas *Kiss Goodbye To Breast Cancer* (KGBC). Kolaborasi kedua antara LPPKN dengan Avon Cosmetics (M) Sdn Bhd telah dilaksanakan di 11 lokasi Butik Avon sepanjang bulan Oktober 2014 di Negeri Johor, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Perak, Kedah, Pahang, Sabah dan Sarawak. Program ini melibatkan enam buah Klinik Bergerak LPPKN dan turut menawarkan pelbagai perkhidmatan termasuk pemeriksaan saringan kesihatan, suntikan HPV untuk remaja wanita, kembara kaunseling dan Program *MamaCare*. Seramai 1,000 orang wanita telah mendapat manfaat dan kesedaran pengesanan tanda positif kanser payudara.



# PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

## PERJAWATAN

Sehingga Disember 2014, pengisian perjawatan LPPKN adalah 83.4%, iaitu sebanyak 993 jawatan daripada 1,190 jawatan yang diluluskan. Status kedudukan perjawatan LPPKN adalah seperti di Jadual 3:

Jadual 3: Perjawatan LPPKN bagi Tahun 2014

Kategori	Jawatan Lulus	Jawatan Diisi
Pengurusan Tertinggi	1	1
Pengurusan & Profesional	190	148
Sokongan	999	844
Jumlah Keseluruhan	1,190	993
<b>Peratus Jawatan Diisi</b>		<b>83.4%</b>

## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Dalam usaha meningkatkan kapasiti dan kemahiran anggota, sebanyak **674 program latihan** anjuran LPPKN dan pelbagai agensi lain telah dilaksanakan yang melibatkan penyertaan seramai **9,150 orang peserta (Jadual 4)**.

Jadual 4: Program Latihan bagi Tahun 2014

Kategori	Bil. Program	Jumlah Penyertaan
Kursus Anjuran LPPKN	220	7,673
Kursus Anjuran KPWK & Agensi	58	277
Agensi Kerajaan/Badan Berkanun	301	899
Kursus Anjuran IPT/ IPTA	25	78
Kursus Luar Negara	15	25
Swasta/NGO	55	198
<b>JUMLAH</b>	<b>674</b>	<b>9,150</b>

## LATIHAN AMALI

LPPKN turut mengendalikan Latihan Amali kepada pelajar-pelajar IPT dalam pelbagai bidang pengajian. Sehingga Disember 2014, seramai **42 orang pelatih** dari pelbagai IPT telah diterima masuk menjalani latihan praktikal dalam bidang reproduksi manusia, statistik, kemasyarakatan, komunikasi, kaunseling, pengurusan dan teknologi pejabat.

**Jadual 5: Bidang dan Penempatan Pelajar IPT yang menerima Latihan Amali, 2014**

Kategori	Bidang Pengajian	Institusi	Bil. Pelajar
Reproduksi Manusia	Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepeujian (Genetik)	Universiti Kebangsaan Malaysia	2
	Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepeujian (Biologi)	Universiti Kebangsaan Malaysia	3
Pembangunan Keluarga	Sarjana Muda Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling)	UNITAR	4
	Diploma Psikologi	Kolej Gemilang	2
	Diploma Psikologi	Universiti Malaysia Sabah	1
Kependudukan	Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepeujian) Matematik	Universiti Kebangsaan Malaysia	1
	Sarjana Muda Kaunseling	Universiti Malaysia Terengganu	10
LPPKN Negeri	Sarjana Muda Kaunseling (Kepeujian)	Universiti Sains Islam Malaysia	2
	Psikologi Kanak-Kanak dan Keluarga	Universiti Malaysia Sabah	5
	Pembangunan Belia dan Komuniti	Universiti Malaysia Sabah	1
	Program Kerja Sosial	Universiti Malaysia Sabah	2
	Ijazah Sarjana Muda Komunikasi	Universiti Utara Malaysia	1
	Kaunseling	Universiti Sains Islam Malaysia	2
	Sarjana Kaunseling Keluarga	Universiti Sains Islam Malaysia	1
	Sarjana Sains (Kaunseling)	Universiti Utara Malaysia	1
	Diploma Kaunseling	Universiti Malaysia Sabah	2
	Diploma Psikologi	Universiti Malaysia Sabah	2
<b>JUMLAH</b>			<b>42</b>

# PEMBANGUNAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

Dalam era digital yang kian mengubah prasarana perkhidmatan awam, LPPKN telah menjadikan ICT sebagai pemangkin ke arah penambahbaikan berterusan tadbir urus dan sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap, berkesan, dan mesra pelanggan bagi merealisasikan pendekatan “merakyatkan Perkhidmatan Awam”. Justeru itu, usaha untuk mempertingkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan LPPKN turut melibatkan peningkatan budaya penggunaan ICT dalam kalangan anggota LPPKN seperti berikut:

## PEMBANGUNAN LAMAN WEB RASMI LPPKN



Laman web baru LPPKN yang dibangunkan secara dalaman oleh Unit Pembangunan Aplikasi Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) telah menepati kriteria *Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA) 2014* dan mula *go live* pada 18 Julai 2014. Dengan menggunakan *Content Management System (CMS)* versi 3.0 yang terkini, Laman Web LPPKN adalah lebih menarik, berinformasi, dan juga lebih *responsive* daripada aspek penampilan. Penilaian terhadap laman web baru oleh pihak MDeC melalui *Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA)* bagi tahun 2014 ini mendapat 5-star rating.

## MEDIA PENYAMPAIAN MAKLUMAT LPPKN

Bagi memastikan maklumat yang disampaikan adalah terkini, pengemaskinian maklumat sentiasa dilakukan bagi mewujudkan jaringan informasi kepada warga LPPKN serta perkhidmatan kepada orang awam. Jumlah pengunjung media sosial adalah seperti **Jadual 6** dan jumlah bilangan transaksi *online* adalah seperti **Jadual 7**.

**Jadual 6: Jumlah Pengunjung Media Sosial**

Media Sosial	Jumlah
Laman Web Rasmi LPPKN	2012 : 128,124 pengunjung
	2013 : 1,032,514 pengunjung
	2014 : 2,596,016 pengunjung
Facebook LPPKN	2012 : 1,328 Like
	2013 : 2,980 Like
	2014 : 10,744 Like
Twitter LPPKN	2012 : 1,110 Follower
	2013 : 1,184 Follower
	2014 : 4,002 Follower

Jadual 7: Bilangan Transaksi *Online*

Aplikasi <i>Online</i>	Jumlah
Vaksinasi HPV	2014:61,132transaksi
Subsidi Mamogram	2014:58,710transaksi

## PEMANTAUAN PENGGUNA PERKHIDMATAN 1GOVUC

Dalam tahun 2014, bilangan pengguna aktif 1GovUC adalah 986 akaun. Pengguna Perkhidmatan 1GovUC membantu pengurusan automasi pejabat agar lebih efisien dengan peningkatan kecekapan urusan komunikasi dan membantu penjimatan kos.



## SISTEM PROGRAM VAKSINASI HUMAN PAPILLOMA VIRUS (PVHPV)



Sistem Daftar PVHPV yang baru telah *go live* pada 28 Ogos 2014. Sebanyak 384,698 data penerima suntikan HPV bermula Julai 2012 hingga 27 Ogos 2014.

## TABUNG IDEA TRANSFORMASI LPPKN

Sebagai satu saluran komunikasi dalaman, LPPKN telah menyediakan tabung idea di *facebook* yang berstatus *closed group* untuk mendapat cadangan, pandangan, dan maklum balas daripada warga LPPKN bagi memperkukuhkan lagi pelan transformasi LPPKN.



## PEMBUDAYAAN ICT

Turut dilaksanakan kursus kemahiran ICT bagi meningkatkan kecekapan penggunaan ICT dan pengurusan dalam LPPKN seperti berikut:

- i. Kursus Takwim LPPKN dan *Microsoft Lync* secara *hands-on* kepada semua Setiausaha Pejabat dan pihak pengurusan LPPKN;
- ii. Latihan Sistem PVHPV kepada Ketua Jururawat di setiap Klinik Nur Sejahtera:
  - Kumpulan 1 & 2 : 19-23 Mei 2014
  - Kumpulan 3 & 4 : 9-13 Jun 2014.
- iii. Kursus Aplikasi *MyMesyuarat* kepada semua urus setia mesyuarat Bahagian/Unit diadakan pada 8 Julai 2014 dengan kerjasama KPWK dan Kursus Ulangan kepada urus setia Mesyuarat JKP pada 5 September 2014;
- iv. Kursus Media Sosial *Government Glitter On Twitter* di Ibu Pejabat dengan kerjasama INTAN:
  - Sesi pihak pengurusan LPPKN : 11 November 2014
  - Admin Media Sosial Bahagian/Unit : 14 November 2014
- v. Latihan *Analyzer* bagi Sistem Pemantauan Program (S3P) telah diadakan pada 10 November 2014 kepada Bahagian Perancangan Korporat.



## LATIHAN PENGGUNA SISTEM PENGURUSAN ASET (SPA)



Latihan kepada 73 Pegawai Pendaftar dan 73 Pegawai Pengesah Aset Alih seluruh LPPKN Negeri telah diadakan seperti berikut :

Kumpulan	Pejabat LPPKN Negeri dan KNS	Tarikh
Kumpulan 1	Johor, Negeri Sembilan dan Melaka	7–8 April 2014
Kumpulan 2	Pulau Pinang, Kedah, Perlis, Sabah, Sarawak dan WP Labuan	9–10 April 2014
Kumpulan 3	Perak, Selangor dan WP Putrajaya	14 – 15 April 2014
Kumpulan 4	WPKL, Pahang, Terengganu dan Kelantan	28 – 29 April 2014

Objektif latihan untuk memastikan data aset alih (harta modal dan inventori) milik LPPKN adalah lengkap dan memastikan Pegawai Pendaftar dan Pegawai Pengesah Aset Alih mahir menggunakan Sistem Pengurusan Aset Alih (SPA).

## FANPAGE kafe@TEEN

Satu *fan page* bagi Pusat Remaja kafe@TEEN telah diwujudkan. Tujuan *fan page* ini bagi menghubungkan 12 *facebook* Pusat Remaja kafe@TEEN kepada satu *fan page* agar informasi dan aktiviti dapat dikongsi bersama.




## LAWATAN PENYENGGARAAN ICT

Sesi lawatan ICT bagi kerja-kerja *preventive maintenance* ke 15 Pejabat Negeri LPPKN dan 58 Klinik Nur Sejahtera dilakukan bermula Ogos sehingga November 2014. Antara skop kerja adalah memastikan peralatan ICT dan sambungan berfungsi, mengemas kini *Patches/antivirus*, memastikan infrastruktur ICT dan juga sistem aplikasi berfungsi dengan baik, dan membuat konfigurasi e-mel pada *Ms Outlook* dan *Ms Lync*.

## PENGURUSAN KEWANGAN

